



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : BAHASA KEBANGSAAN (A)**  
**KOD KURSUS : MPU2043/MPU2213/MPU2013/MPW1113**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2018**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA(3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan kedalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan
  - iii. Kertas Jawapan Objektif

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Antara yang berikut, yang manakah yang termasuk dalam kategori "keluarga" dalam kajian asal usul bahasa berdasarkan usia?
  - i. Formosa
  - ii. Melanesia
  - iii. Polinesia
  - iv. Austronesia

**A** i dan ii  
**B** i dan iv  
**C** ii dan iii  
**D** iii dan iv
  
2. Yang manakah padanan yang betul bagi cabang bahasa dan contoh bahasa dalam rumpun bahasa Austronesia?

	Cabangbahasa	Contohbahasa
<b>A</b>	Melanesia	Hawaii, Tonga, dan Maori
<b>B</b>	Nusantara	Tagalog, Irian, dan Aceh
<b>C</b>	Mikronesia	Kepulauan Marianna, Marshall, dan Carolina
<b>D</b>	Polinesia	Kepulauan Fiji, New Caledonia, dan Gilbert

3. Antara kumpulan kata yang berikut, yang manakah yang mengandungi diftong?
  - i. Sepoi, taliah, kuih
  - ii. Halau, mulai, kuasa
  - iii. Boikot, haiwan, aurat
  - iv. Kerbau, rambai, sekoi

**A** i dan ii  
**B** i dan iii  
**C** ii dan iv  
**D** iii dan iv

4. Pilih pernyataan yang benar tentang bunyi diftong.
- Kombinasi dua bunyi vokal.
  - Terdapat unsure geluncuran.
  - Mempunyai dua puncak kelantangan.
  - Membentuk lebih daripada satu suku kata.
- A i dan ii  
B i dan iii  
C ii dan iv  
D iii dan iv
5. Diftong [ ai ] ialah bunyi yang dimulai dengan cara penghasilan vokal depan luas, kemudian berlaku geluncuran ke arah bunyi
- A vokal depan sempit  
B vokal belakang luas  
C vokal tengah separuh luas  
D vokal depan separuh sempit
6. Antara yang berikut, yang manakah kata yang mengandungi bunyi diftong?
- Bait
  - Sauk
  - Audit
  - Baiduri
- A i dan ii  
B i dan iii  
C ii dan iv  
D iii dan iv
7. Pernyataan yang berikut benar tentang diftong **kecuai**
- A Membentuk satu suku kata  
B Dikeluarkan dengan satu hembusan nafas  
C Mempunyai satu puncak kelantangan dan berfungsi sebagai satu fonem  
D Semasa menghasilkannya wujud hentian yang boleh memisahkan dua vokal

8. Yang manakah pernyataan yang benar tentang bunyi diftong?
- Bunyi diftong dihasilkan dalam satu nafas.
  - Bunyi diftong membentuk dua suku kata yang berbeza.
  - Dalam tulisan, bunyi diftong dilambangkan oleh dua huru fvokal.
  - Setiap vocal dalam bunyi diftong dihasilkan dengan kelantangan yang sama.
- A i dan ii  
B i dan iii  
C ii dan iv  
D iii dan iv
9. Yang manakah kata yang mengandungi bunyi diftong?
- Berbait
  - Memaut
  - Mengintai
  - Berkilauan
- A i dan ii  
B i dan iv  
C ii dan iii  
D iii dan iv
10. Yang manakah pernyataan yang benar tentang laras bahasa?
- Boleh berubah mengikut situasi
  - Terhad kepada wacana penulisan
  - Berkembang mengikut perkembangan bidang ilmu
  - Merujuk kepada kelainan bahasa yang ditentukan oleh perbezaan tempat
- A i dan ii  
B i dan iii  
C i dan iv  
D ii dan iv



11. Pernyataan di bawah, yang manakah ayat laras iklan?
- A Sedia memberi perkhidmatan yang cemerlang.
  - B Taman Setia Indah berusaha menyiapkan pembinaannya.
  - C Kegawatan ekonomi mempengaruhi harga pasaran kereta tempatan.
  - D Harga sebuah banglo di lereng bukit tidak kurang daripada dua ratus ribu ringgit.
12. Yang berikut ialah laras bahasa ilmiah **kecuali**
- A menggunakan kata yang tepat.
  - B Mempunyai maksud yang tersirat.
  - C Menggunakan bahasa yang formal.
  - D Menggunakan bahasa yang gramatis.
13. Retorik pemerian dan pendedahan sesuai sekali digunakan untuk tujuan
- i. Menjalankan kursus mengendalikan komputer.
  - ii. mengadakan forum tentang kemahiran keibubapaan.
  - iii. menggalakkan orang ramai membeli barangan tempatan.
  - iv. Member ceramah tentang teknik menjawab soalan peperiksaan.
- A i dan ii
  - B i dan iv
  - C ii dan iii
  - D iii dan iv
14. Kata berganda bagi kata majmuk di bawah adalah tepat **kecuali**
- i. alat-alat tulis
  - ii. Ketua-Ketua Menteri
  - iii. Pesuruh-Pesuruhjaya
  - iv. suku kata-suku kata
- A i dan ii
  - B iii dan iv
  - C i, ii dan iii
  - D ii, iii dan iv

15. Kalau tidak ada \_\_\_\_\_ masalah projek itu akan siap sebulan lagi.
- A apa-apa
  - B bila-bila
  - C mana-mana
  - D siapa-siapa
16. Tiang-tiang elektrik di tebing itu \_\_\_\_\_ selepas berlakunya gegaran.
- A serong
  - B bengkok
  - C bongkok
  - D condong
17. Pilih simpulan bahasa yang membawa maksud "menyatakan tidak tahu atau tidak bertanggungjawab mengenai sesuatu perkara".
- A Angkat kaki
  - B Angkat bahu
  - C Angkat muka
  - D Angkat tangan
18. Sebahagian \_\_\_\_\_ tingkap rumah nenek telah reput.
- A api-api
  - B kisi-kisi
  - C angkut-angkut
  - D sumpah-sumpah
19. Kakinya bengkok \_\_\_\_\_ disengat oleh seekor lebah.
- A agar
  - B tetapi
  - C kalau
  - D kerana

20. Arora tergelincir semasa melalui jalan yang \_\_\_\_\_ itu.
- A licin
  - B lunyai
  - C lembik
  - D lembap

[20 MARKAH]



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan. Jawab **SATU(1)** soalan sahaja. Panjang karangan anda adalah **tidak kurang** daripada 400 patah perkataan.

1. Sambutan Hari Guru diadakan pada setiap 16 Mei sejak negara kita mencapai kemerdekaan. Sambutan diadakan untuk memperingati jasa guru-guru yang telah mendidik anak bangsa. Istilah Hari Guru menunjukkan semangat cinta akan jasa guru yang tiada tandingannya dalam menerajui sistem pendidikan dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa, budaya, dan agama di negara ini.

Tulis sebuah rencana tentang sumbangan guru serta langkah-langkah mempertingkatkan jasa guru dalam kalangan masyarakat kita.


2. Persatuan Kebajikan Kolej anda telah menganjurkan Kejohanan Sukan Mahasiswa (KESUMA) peringkat kolej. Selaku setiausaha dalam program tersebut, anda dikehendaki menulis sebuah laporan tentang program yang telah dilaksanakan.

Tulis laporan anda selengkapnya.

**[50 MARKAH]**

## BAHAGIAN C

Berdasarkan gambar di bawah, huraikan pendapat anda tentang "ciri-ciri pelajar cemerlang". Panjang karangan anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT



